



IKAT MATI...selepas berkahwin wanita Hindu tidak boleh bercerai, mewarisi harta atau menuntut sebarang hak daripada suami.

Wanita Hindu terpinggir

Tidak boleh warisi harta dan tuntutan wang sara hidup daripada suami



WANITA LUAR NEGARA

TIDAK seperti rakan-ranya yang beragama Islam, Tarulata Rani bukan saja tidak boleh mewarisi sebarang harta milik keluarganya, malah dia juga tidak dibenarkan bercerai dan menuntut wang sara hidup daripada suaminya yang selalu menghilangkan diri - semuanya kerana dia wanita Bangladesh beragama Hindu.

Nasib wanita Hindu Bangladesh juga tidak sama dengan wanita Islam Bangladesh atau mereka yang beragama Hindu di negara lain seperti India atau Nepal. Kumpulan wanita ini tidak boleh bercerai kerana ia tidak termaktub dalam undang-undang, malah perkahwinan mereka juga tidak dibenarkan didaftarkan secara rasmi.

"Adakah dilahirkan sebagai gadis Hindu itu satu jenayah?" soal Rani, 22, yang mendirikan rumah tangga dua tahun lalu.

"Saya tidak boleh mewarisi sebarang harta. Saya tidak boleh bercerai dengan suami atau berkahwin lagi walaupun dia meninggalkan saya untuk bersama wanita lain dan memukul saya sepanjang

perkahwinan kami," ceritanya lagi dengan sebak.

Beberapa bulan lalu, Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina mengesahkan undang-undang baru yang memperkenalkan pendaftaran rasmi perkahwinan di kalangan pasangan beragama Hindu. Langkah ini diambil bagi melindungi hak wanita Hindu seperti Rani.

Undang-undang itu dijangka diluluskan di parlimen dan ia mendapat sambutan baik daripada aktivis hak asasi manusia dan ramai wanita Hindu.

Namun pengkritik berkata, ia adalah tindakan kecil yang tidak akan mendapat perhatian serius daripada badan agama pembangkang yang melihat tidak perlu ada campur tangan politik dalam warisan budaya mereka.

Bangladesh mengamalkan sistem sekular kecuali dalam soal yang berkaitan warisan harta, perkahwinan dan perceraian yang umat Islam terikat pada undang-undang syariah dan penganut Hindu pula mengikut undang-undang berdasarkan budaya warisan turun temurun.

Di bawah undang-undang baru itu, penganut Hindu yang mewakili 10 peratus daripada 152 juta penduduk Bangladesh boleh mendaftarkan perkahwinan mereka di pejabat pihak berkuasa tempatan atau



MAHUKAN PERUBAHAN... wanita Hindu Bangladesh mahukan hak dan kebajikan mereka dibela.

mahkamah buat pertama kali.

"Ketika ini apabila lelaki Hindu keluar daripada perkahwinan, isterinya tidak boleh menyaman suaminya untuk meminta wang sara hidup kerana tiada surat pengesahan perkahwinan. Jadi amat mustahil untuk si isteri membuktikan mereka sebenarnya sudah berkahwin," kata peguam, Nina Goswani.

"Berpuluh-puluh ribu lelaki Hindu mempunyai lebih daripada seorang isteri kerana tahu mereka tidak akan dihukum," tambah Goswani, pengarah kumpulan pejuang hak asasi manusia, Ain O Salish Kendra.

Goswani yang beragama Hindu melihat bagaimana ketiadaan hak itu menyebabkan ramai wanita Hindu terpaksa melakukan pekerjaan yang tidak dikehendakinya dan menjadi sangat miskin selepas

ditinggalkan suami.

Bagaimanapun, dia percaya undang-undang baru yang digubal itu adalah satu langkah kecil untuk menenangkan hati wanita Hindu tanpa menimbulkan kemarahan lelaki yang kebanyakannya mengundi Liga Awami, parti pemerintah sekarang.

"Malangnya, wanita ini tidak wujud dalam mata dan telinga kerajaan. Pada ahli politik kami, komuniti Hindu adalah bank undian yang hanya terdiri daripada lelaki," katanya lagi.

Bagaimanapun, kerajaan menafikan kritikan itu dan berkata, ia datang daripada aktivis Hindu yang membantah sebarang perubahan pada undang-undang yang ada sekarang.

Menteri Undang-Undang, Shafique Ahmed memberitahu, undang-undang baru itu akan

mengurangkan masalah poligami yang semakin berleluasa di kalangan lelaki Hindu dan memastikan hak wanita yang ditinggalkan suami terjamin.

"Kami tidak boleh mengubal lebih banyak undang-undang untuk penganut Hindu kerana adanya bantahan daripada kumpulan Hindu termasuk mereka yang berpendidikan tinggi. Malah untuk mendaftarkan perkahwinan pun mereka tidak mahu," kata Shafique.

Aktivis radikal Hindu berkata, mereka menolak sebarang bentuk perubahan yang bertentangan dengan peraturan atau tradisi, bahkan menganggap perceraian boleh mengancam tonggak asas keluarga.

"Kami tidak kisah pada pendaftaran perkahwinan kerana pasangan Hindu kadangkala memerlukan sijil kahwin apabila mereka pergi ke satu-satu tempat. Tetapi ia mestilah atas pilihan sendiri (sukarela) dan jika kerajaan mahu mewajibkan pendaftaran perkahwinan, memberi hak mewarisi harta dan boleh bercerai kepada wanita, kami akan membantah kerana ia tidak dibenarkan dalam budaya Hindu," kata Hiree Biswas, presiden kumpulan Samaj Sangskar Parishad.

Malah dia menuduh undang-undang baru itu adalah hasil konspirasi dicituskan badan kebajikan yang mendapat bantuan dana dari luar negara.

Wanita Muslim di Bangladesh boleh bercerai dan menuntut wang ganti rugi atau menyaman suami hasil usaha pejuang kumpulan wanita dan aktivis undang-undang selama beberapa dekad.

Bagaimanapun, wanita Hindu Bangladesh yang sudah lama teraniaya dan mengalami diskriminasi sejak pembahagian negara pada 1947 tercicir daripada undang-undang baru yang melindungi kebajikan wanita.

Meskipun ada undang-undang baru, perjalanan untuk wanita Hindu ini masih jauh kerana masyarakat masih ragu-ragu sama ada hak wanita perlu diperjuangkan bagi mendapat kesaksamaan hak.

Bagi individu yang mahukan perubahan seperti peguam mahkamah tinggi, Subrata Chowdhury, walaupun dia sendiri adalah lelaki Hindu, dia mahu perjuangan itu diteruskan ke isu lain pula.

"Sekarang ada banyak isu yang lebih penting untuk difikirkan seperti penindasan, dihalau dari tanah sendiri dan harta kami dirampas."

- AFP